



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN PENYESUAIAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

**RUHANI MAT MIN**

**FPP 1998 63**

**HUBUNGAN PENYESUAIAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

**RUHANI MAT MIN**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1998**



---

HUBUNGAN PENYESUAIAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

oleh

RUHANI MAT MIN

Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian  
Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

Mac 1998

---



## PENGHARGAAN

### BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, penyelidik dapat menyiapkan tesis dalam jangka masa yang dirancang.

Dengan tulus ikhlas penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Prof. Madya Dr. Othman bin Dato Haji Mohamed atas sumbangan idea, bimbingan, saranan, dan teguran membina dari awal tesis ini dirancang sehingga selesai.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Majid bin Mohd Isa, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak membantu terutama di saat-saat kritikal. Bantuan, idea, bimbingan, dan saranan beliau membantu penyelidik dalam menyiapkan tesis.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Rusnani bte Abd. Kadir, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan kerana menyumbangkan idea, bimbingan, dan saranan di sepanjang proses penulisan tesis ini

dijalankan. Di samping itu juga, dorongan dan sokongannya membolehkan penulisan tesis berjalan lancar.

Kepada Dr. Nordin Kardi, dan Dr. Rosli Talif, yang membantu penyelidik menyemak soal selidik yang telah diterjemahkan, terima kasih di atas bantuan dan sokongan.

Ucapan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling yang turut memberi pandangan dan galakan kepada penyelidik menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada Pusat Komputer, UPM yang menyediakan senarai nama pelajar Tahun Satu sesi 1996/97. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Puan Rohaini Adhirin, yang banyak membantu dalam proses menyiapkan tesis ini. Kepada Saudara Amin Minhad yang sudi menyemak penggunaan tatabahasa dalam penulisan tesis. Juga, kepada Saudari Fazlon yang sudi membantu.

Kepada Universiti Putra Malaysia, yang menyediakan tempat dan kemudahan, membolehkan penyelidik menjalankan kajian, ucapan terima kasih yang tidak terhingga.



Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah, bonda, dan semua ahli keluarga yang dikasihi kerana sentiasa mendoakan kejayaan penyelidik. Juga terima kasih kepada rakan yang turut memberikan galakan untuk penyelidik menyiapkan tesis ini.

Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa dan budi pihak yang terlibat dalam kajian ini. Kepada-Nya penyelidik berserah dan mohon restu semoga diberkati segala usaha dan memperoleh kejayaan.



## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	x
ABSTRAK .....	xii
ABSTRACT.....	xiv

### BAB

#### I PENGENALAN

Latar Belakang Kajian .....	1
Penyesuaian di Universiti.....	2
Kaitan Penyesuaian dan Perapatan.....	6
Teori Penjelajahan Pelajar.....	8
Pernyataan Masalah Kajian .....	11
Objektif Kajian .....	14
Persoalan Kajian .....	14
Hipotesis Kajian .....	15
Kepentingan Kajian .....	16
Definisi Operasional	
Penyesuaian .....	18
Perapatan .....	19

#### II SOROTAN LITERATUR

Pendahuluan .....	21
Pola Penyesuaian Pelajar di Universiti .....	22
Hubungan Penyesuaian Dengan Pencapaian .....	29
Hubungan Perapatan Ibu Bapa dan Rakan Dengan Penyesuaian .....	31
Hubungan Perapatan, Penyesuaian dan Pencapaian Akademik .....	44
Kesimpulan .....	49

### III METADOLOGI

Pendahuluan .....	51
Kerangka Teori .....	51
Reka Bentuk Kajian .....	53
Alat Kajian	
Inventori Adaptasi Pelajar di Universiti .....	55
Inventori Perapatan Ibu Bapa Rakan .....	58
Subjek Kajian	
Pemilihan Sampel Kajian .....	60
Pengiraan Bilangan Responden Berdasar Formula .....	62
Bilangan Responden .....	63
Tatacara Kajian .....	64
Penganalisaan Data Statistik .....	65

### IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

Pendahuluan .....	67
Keputusan	
Latar Belakang Responden .....	67
Bentuk Pola Penyesuaian .....	69
Perbezaan Pola Penyesuaian Mengikut Jantina .....	71
Perbezaan Pola Penyesuaian Mengikut Pengalaman Alam Persekolahan .....	72
Perbezaan Pola Penyesuaian Mengikut Kelulusan Masuk ke Program Ijazah .....	74
Hubungan Subskala Penyesuaian dan Perapatan di Kalangan Pelajar .....	80
Pengaruh Subskala Penyesuaian Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar .....	82
Pengaruh Penyesuaian dan Perapatan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar .....	83





<b>V</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
	Bentuk Pola Penyesuaian di Kalangan Pelajar .....	84
	Hubungan Penyesuaian dan Perapatan .....	92
	Pengaruh Penyesuaian Terhadap Pencapaian Akademik .....	93
<b>VI</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
	Kesimpulan .....	97
	Implikasi Kajian .....	98
	Cadangan untuk Kajian Lanjutan .....	99
	<b>BIBLIOGRAFI</b> .....	101
	<b>LAMPIRAN</b>	
A	Soal selidik IAPU .....	107
B	Soal selidik IPIR .....	112
C	Surat daripada WPS.....	116
	<b>VITA</b> .....	117



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Subskala dalam Inventori Adaptasi Pelajar di Universiti .....	56
2	Kebolehpercayaan Inventori Adaptasi Pelajar di Universiti .....	57
3	Kebolehpercayaan Inventori Perapatan Ibu Bapa dan Rakan .....	59
4	Bilangan Populasi Kajian Mengikut Program Pengajian .....	61
5	Komposisi Jantina Responden .....	68
6	Kelayakan Akademik Responden .....	69
7	Latar Pendidikan Responden Semasa Persekolahan Peringkat Menengah .....	69
8	Min, Sisihan Piawai, Skor Terendah dan Skor Tertinggi Bentuk Pola Penyesuaian ....	70
9	Ujian-t Bagi Pola Penyesuaian Antara Jantina .....	72
10	Ujian-t Bagi Perbezaan Antara Pengalaman di Alam Persekolahan Menengah Melalui Pola Penyesuaian .....	74
11	Analisis Varian Sehala Penyesuaian Keseluruhan Melalui Perbezaan Kelulusan .....	75
12	Analisis Varian Sehala Penyesuaian Akademik Melalui Perbezaan Kelulusan ....	76
13	Analisis Varian Sehala Penyesuaian Personal-Emosional Melalui Perbezaan Kelulusan.....	76

14	Analisis Varian Sehala Penyesuaian Sosial Melalui Perbezaan Kelulusan .....	77
15	Analisis Varian Sehala Penyesuaian Komitmen-Matlamat Melalui Perbezaan Kelulusan .....	77
16	Analisis Pos Hoc Penyesuaian Keseluruhan Melalui Perbezaan Kelulusan .....	78
17	Analisis Pos Hoc Penyesuaian Akademik Melalui Perbezaan Kelulusan .....	79
18	Analisis Pos Hoc Penyesuaian Personal-Emosional Melalui Perbezaan Kelulusan ....	79
19	Matrik Korelasi Perapatan dan Penyesuaian .....	80
20	Analisis Regresi Pencapaian Akademik dan Subskala Penyesuaian .....	82
21	Analisis Regresi Pencapaian dan Pembolehubah Bebas .....	83



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Teori Penjelajahan Pelajar di Institusi .....	9

## SENARAI SINGKATAN

IAPU	-	Inventori Adaptasi Pelajar di Universiti
IPIR	-	Inventori Perapatan Ibu Bapa dan Rakan
IPIR-B	-	Perapatan Ibu Bapa
IPIR-R	-	Perapatan Rakan
PK	-	Penyesuaian Keseluruhan
PA	-	Penyesuaian Akademik
PS	-	Penyesuaian Sosial
PPE	-	Penyesuaian Personal-Emosional
PKM	-	Penyesuaian Komitmen-Matlamat
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapat Ijazah Master Sains.

HUBUNGAN PENYESUAIAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Oleh

RUHANI MAT MIN

Mac 1998

Pengerusi : Othman Dato Haji Mohamed, Ph.D  
Profesor Madya

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan (1) meninjau bentuk pola penyesuaian di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi; (2) mengkaji hubungan penyesuaian dan perapatan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi; (3) mengkaji hubungan penyesuaian, perapatan, dan pencapaian akademik. Penyesuaian diukur dengan menggunakan Inventori Adaptasi Pelajar di Universiti. Perapatan diukur dengan menggunakan Inventori Perapatan Ibu Bapa dan Rakan.

Seramai 223 (n = 223) orang pelajar tahun pertama pengajian melibatkan diri sebagai responden kajian. Soal selidik isi sendiri yang menggunakan skala Likert telah digunakan dalam kajian ini. Data yang



diperolehi dianalisa dengan menggunakan statistik diskriptif, korelasi dan analisis regresi .

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai penyesuaian keseluruhan, penyesuaian sosial, penyesuaian personal-emosional dan penyesuaian komitmen-matlamat yang lebih baik berbanding dengan pelajar perempuan. Tidak wujud perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan pada penyesuaian akademik. Analisis regresi menunjukkan subskala penyesuaian iaitu penyesuaian akademik, penyesuaian komitmen-matlamat dan penyesuaian personal-emosional menyumbang sebanyak 16 peratus varian kepada pencapaian akademik. Wujud perhubungan antara penyesuaian dan perapatan di kalangan pelajar. Analisis regresi juga menunjukkan penyesuaian keseluruhan menyumbangkan sebanyak 6 peratus varian kepada pencapaian akademik pelajar.

Proses penyesuaian berbeza di kalangan pelajar. Penyesuaian juga menyumbang terhadap pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, pelajar perlu dibantu dalam proses penyesuaian untuk membolehkan mereka berjaya di universiti.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

RELATIONSHIP BETWEEN ADJUSTMENT AND ACADEMIC  
ACHIEVEMENT OF STUDENT IN INSTITUTION  
OF HIGHER LEARNING

By

RUHANI MAT MIN

March 1998

Chairperson : Othman Dato Haji Mohamed, Ph.D  
Associate Professor

Faculty : Educational Studies

The aim of the study is to (1) explore the adjustment pattern among students at an institution of higher learning; (2) determine the relationships between adjustment and attachment among students at an institution of higher learning; (3) analyze the relationships between adjustment, attachment, and academic achievement. Adjustment was measured using the Student Adjustment to College Questionnaire. Attachment was assessed using the Inventory of Parent and Peer Attachment.

A total of 223 (n = 223) first year students participated in the study. A self-administered Likert scaled questionnaire was used. The





data were analysed using descriptive statistics, correlational techniques and regression analysis.

The findings showed that male students were better in overall adjustment, social adjustment, personal-emotional adjustment and goal-commitment. There is no difference between male and female students in academic adjustment. The regression analysis showed that the adjustment subscales i.e, academic, goal-commitment, and personal-emotional accounted for 16 percent of the variance in academic achievement. There are positive correlations between adjustment variables and attachment among students. Also, the regression analysis showed that overall adjustment accounted for 6 percent of the variance in academic achievement among students.

Students differ in their adjustment. Also, adjustment contributed towards their academic achievement. Therefore, students should be assisted in their adjustment at the university life.

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **Latar Belakang Kajian**

Universiti merupakan pusat keilmuan yang menyediakan peluang kepada mahasiswa untuk meneroka dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Universiti juga diharapkan dapat melatih dan mengeluarkan siswazah yang mempunyai kualiti kepemimpinan yang tinggi. Sehubungan ini, para siswazah diharapkan mempunyai akhlak yang mulia, sedar serta peka kepada masalah masyarakat dan negara. Svagalic (1952) bersetuju dengan pandangan Newman yang dikemukakan pada tahun 1852 bahawa universiti adalah tempat bagi membentuk individu intelektual dan berkeupayaan melakukan proses berfikir. Seterusnya Svagalic menambah, bahawa wujudnya perkaitan antara pelbagai disiplin ilmu yang akan dipelajari di universiti. Oleh yang demikian, ilmu tersebut tidak boleh dipelajari secara berasingan. Proses pembelajaran ilmu ini dapat membantu pembentukan individu yang serba boleh. Suasana di universiti membolehkan individu bertanggungjawab ke atas dirinya dan berinisiatif membina hubungan dengan orang yang tidak dikenali sebelum ini.

Pengalaman yang paling berguna semasa di universiti adalah belajar menerima dan berkawan dengan orang yang tidak dikenali. Menurut Bok (1986) peranan universiti sekarang bukan tertumpu kepada pendidikan formal sahaja, tetapi meliputi pelbagai aspek perkembangan individu. Semenjak tahun 1910, dengan bermulanya Pendidikan Kesihatan Mental secara formal di Princeton University, kebanyakan universiti mula menyedari tanggungjawab dalam keperluan perkembangan pelajar dan tugas ini telah diterima sebagai salah satu peranan falsafah pendidikan (Reifler dan Liptzin, 1969).

### **Penyesuaian di Universiti**

Penyesuaian merupakan proses interaksi antara individu dengan persekitaran (Arkoff, 1968). Setiap individu akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi matlamat dan mencapai impiannya. Pada masa yang sama individu berkenaan akan menerima tekanan daripada persekitaran untuk bertingkah laku dengan cara yang tertentu. Penyesuaian sebenarnya melibatkan perimbangan antara kehendak diri dan persekitaran (Arkoff, 1968).

Penyesuaian di universiti melibatkan pelbagai aspek perkembangan diri (Munro, 1981). Apabila seseorang pelajar memasuki universiti, beliau selalunya akan menghadapi pelbagai masalah. Perkara ini timbul kerana

sistem pendidikan di sekolah sangat berbeza dengan sistem pendidikan di universiti. Di universiti, pelajar bebas daripada pengawasan serta pengasuhan ibu bapa dan keluarga. Bagi kebanyakan pelajar, kampus adalah titik peralihan untuk mereka mula berdikari.

Menurut Hamachek (1995), seorang pelajar yang kurang mampu menghadapi corak dan cabaran masyarakat kampus akan berasa terumbang-ambing. Mereka juga dikatakan kabur tentang proses pembelajaran dan cara gaya menghadapi kehidupan kampus. Kebanyakan pelajar baru yang memasuki universiti akan berhadapan dengan masalah seperti bebanan akademik dan masalah sosial yang berkaitan dengan penghidupan di universiti. Mereka perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan belajar cara belajar yang berbeza daripada yang telah dilalui semasa dalam alam persekolahan (Hamachek, 1995).

Chickering dan Schlossberg (1995), menyatakan bahawa ada individu yang berjaya dan individu yang gagal melalui proses transisi. Secara umumnya, kejayaan seseorang individu dalam proses transisi bergantung kepada situasi individu semasa proses transisi berlaku, dan sokongan yang diterima. Individu ini juga perlu sedar tentang siapa dirinya, dan mempunyai pengetahuan tentang strategi cara menyesuaikan diri dalam persekitaran baru. Bagi pelajar universiti pula, Chickering dan Schlossberg (1995) menambah bahawa terdapat tujuh prinsip yang membantu kejayaan

seseorang pelajar di universiti. Pertama, hubungannya dengan ahli-ahli fakulti. Kedua, sikap bekerjasama dengan pelajar lain. Ketiga, belajar secara aktif. Keempat, berusaha mendapat maklumat tanpa bertangguh. Kelima, pentingkan masa dalam menjalankan tugas. Keenam, mempunyai matlamat yang tinggi. Ketujuh, mengiktiraf bakat dan cara belajar yang berbeza di kalangan rakan-rakannya.

Ini menunjukkan bahawa kejayaan seorang pelajar di universiti bergantung kepada pelbagai perkara. Seseorang pelajar akan kekal di universiti jika beliau dapat bergabung dengan corak pembelajaran dan sosial di universiti (Eaton dan Bean, 1995). Keadaan ini berlaku kerana gabungan yang berjaya akan mengarahkan seseorang pelajar untuk mencapai matlamat akademik, dan seterusnya melahirkan komitmennya terhadap universiti (Eaton dan Bean, 1995).

Chickering (1969) dalam Teori Perkembangan Pelajar telah mengemukakan tujuh vektor dalam perkembangan pelajar. Vektor-vektor tersebut ialah mencapai kemampuan, menangani emosi, memperkembangkan emosi, meningkatkan identiti, membina hubungan interpersonal, pembinaan matlamat, dan pembinaan kejujuran. Sehubungan itu, Chickering mendapati bahawa perkembangan individu meliputi pelbagai dimensi yang saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, perkembangan yang lengkap pada setiap dimensi perlu agar

perkembangan pada dimensi yang seterusnya akan berlaku dengan lancar. Setiap individu perlu memastikan perkembangan yang sempurna berlaku pada setiap dimensi. Kesempurnaan ini juga memerlukan bantuan orang-orang di sekelilingnya.

Seorang pelajar universiti diharapkan dapat memperkembangkan diri dengan sempurna, memiliki keyakinan diri yang meningkat, bertanggungjawab, berfikiran secara rasional, dapat menilai diri, dan situasi dengan bijak (Starke, 1993). Individu yang berkenaan juga diharapkan dapat meningkatkan kemahiran akademik, vokasional, dan bermotivasi dalam pengajian (Starke, 1993). Ini menunjukkan bahawa penyesuaian sebenarnya merupakan usaha yang dilakukan oleh individu untuk berjaya dalam persekitarannya (Lazarus, 1976). Perhubungan yang murni antara individu dan persekitaran akan menjadikan seseorang individu berada dalam ketenangan, gembira serta bebas daripada kebimbangan (Eaton dan Bean, 1995).

Kesimpulannya, penyesuaian melibatkan dua proses, iaitu memasukkan diri dalam suasana atau persekitaran yang telah tersedia, dan menukar suasana atau persekitaran tersebut bagi disesuaikan dengan keperluan individu yang terlibat (Lazarus, 1976). Ini menunjukkan bahawa proses penyesuaian memerlukan seseorang pelajar yang aktif, mempunyai

inisiatif, sanggup menghadapi risiko, dan menggunakan peluang yang wujud dengan sebaik-baiknya.

### **Kaitan Penyesuaian dan Perapatan**

Weidman (1989) telah mengemukakan Model Sosialisasi bagi menghuraikan penyesuaian pelajar di universiti. Menurutnya, faktor sosial dan psikologikal mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perubahan diri pelajar. Weidman menambah bahawa pelajar datang ke universiti dengan membawa bersama-sama ciri-ciri latar belakang seperti taraf sosio ekonomi, sikap, minat kerjaya, aspirasi, dan nilai yang tersendiri. Menurut Weidman lagi perkara-perkara di luar universiti juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pelajar. Sehubungan ini, ibu bapa dan ahli masyarakat yang lain juga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi pelajar. Oleh itu, perapatan terhadap orang-orang di sekeliling mempunyai perkaitan dengan proses penyesuaian yang akan dilakukan oleh seseorang pelajar (Armsden dan Greenberg, 1987). Perapatan dan proses penyesuaian ini akan membantu pelajar menilai dan mengimbangkan pelbagai norma dalam membentuk matlamat peribadi. Seterusnya, pelajar akan membuat keputusan mengenai nilai pegangan, sikap, dan aspirasinya.

Ini membuktikan bahawa faktor latar belakang seseorang pelajar, perhubungan pelajar dengan ibu bapa, dan individu di sekelilingnya,

mempunyai pengaruh terhadap proses penyesuaian yang akan dilakukan oleh pelajar di universiti. Pengalaman awal seseorang kanak-kanak, khususnya perapatan yang dilalui bersama penjaganya, akan dapat meramal proses penyesuaian yang akan dilakukan oleh kanak-kanak tersebut pada peringkat remaja (Rice dan Whaley, 1994). Seterusnya beliau menambah, perapatan yang bermutu akan membentuk individu yang mahir menyelesaikan masalah, sejahtera emosi, dan mempunyai kebolehan interpersonal. Keadaan ini selaras dengan kajian oleh Sroufe dan Waters (1977), bahawa perapatan mempunyai pengaruh terhadap proses perkembangan dan cabaran penyesuaian yang akan dilalui oleh seseorang individu. Weiss (1982), menyatakan bahawa perapatan rakan yang wujud di kalangan remaja merupakan kemampuan rakan untuk memberi sokongan kepada seseorang individu. Dorongan ini dapat membantu seseorang individu menghadapi cabaran semasa proses perkembangan.

Huraian di atas menunjukkan bahawa corak perapatan yang dialami oleh seseorang individu mempunyai kesan ke atas proses perkembangannya. Menurut Armsden dan Greenberg (1987), wujud pertalian yang kukuh antara perapatan di kalangan remaja dengan penyesuaian, konsep-suadiri, dan kesihatan fizikal. Remaja yang berpuas hati dengan bantuan dan sokongan daripada ibu bapa dan rakannya akan



mengalami kesejahteraan psikologikal yang lebih baik (Armsden dan Greenberg, 1987).

### **Teori Penjelajahan Pelajar**

Kajian ini berasaskan Teori Penjelajahan Pelajar (Theory of Student Departure) (Rajah 1) yang dikemukakan oleh Tinto (1987). Mengikut teori ini, pelajar yang memasuki universiti mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza seperti latar belakang keluarga, kemahiran, kebolehan, minat, dan pendidikan. Perbezaan ini akan membentuk keinginan dan minat yang berlainan. Seterusnya, faktor tersebut akan menyumbang dalam proses interaksi antara individu dengan institusi sama ada dari segi struktur, kakitangan, dan sistem sosialnya (Tinto, 1987). Keyakinan terhadap sistem sosial di universiti diandaikan mengarah kepada integrasi yang lebih baik. Begitulah juga dengan keyakinan terhadap pendidikan formal dan tidak formal yang dilalui di universiti, akan mewujudkan integrasi yang baik. Proses integrasi yang berjaya akan menghasilkan kejayaan pelajar di universiti.

Integrasi merujuk kepada sejauh mana seseorang individu dapat berkongsi norma dan nilai bersama-sama dengan rakan sebaya dan sistem di fakulti. Integrasi juga melibatkan toleransi dengan syarat-syarat formal dan tidak formal yang perlu dipatuhi jika ingin menjadi ahli dalam